

# Tiada pelajar tajaan MAINS di Yemen

Oleh **AINOL AMRIZ ISMAIL**

pengarang@utusan.com.my

**SEREMBAN 18 April** - Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) tidak menghantar pelajar tajaan mereka melanjutkan pengajian di Yemen, sebaliknya akan menumpukan penghantaran pelajar ke negara Maghribi.

Menteri Besar, Datuk Seri Mohamad Hasan memberitahu, beliau juga tidak mempunyai maklumat jika ada pelajar anak negeri ini yang pergi secara persendirian ke Yemen atau menetap di negara bergolak itu.

"Kita tidak hantar pelajar ke Yemen sebaliknya ke Jordan, Mesir

dan Maghribi," katanya di sini hari ini.

Jelasnya lagi, penghantaran pelajar ke Mesir juga sudah dikurangkan dan berkemungkinan pada masa akan datang tiada lagi pelajar tajaan MAINS melanjutkan pengajian di situ.

"Pada masa kini, MAINS sedang meningkatkan penghantaran pelajar ke Maghribi," tegasnya.

Beliau menambah, untuk satu tarikh kelak berkemungkinan juga tiada lagi pelajar tajaan MAINS yang dihantar ke mana-mana negara, sebaliknya mereka akan dihantar meneruskan pengajian dalam negara seperti di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) di Nilai.



**MOHAMAD HASAN**